

26/04/1999

Pas sanggup halalkan cara capai matlamat

; Salina Abdullah; Nadzim Ahmad Jamalluddin; Jalal Ali Abdul Rahim
KUALA LUMPUR, Ahad - Pas sanggup menghalalkan apa saja cara, termasuk yang bertentangan dengan agama Islam, asalkan ia dapat menghentam atau menjatuhkan pemerintah negara ini.

Ini jelas dengan pendirian pemimpin Pas, termasuk Presidennya, Datuk Fadzil Noor yang menyokong novel SHIT tulisan ahli seumur hidupnya, Prof Datuk Shanon Ahmad, walaupun ia ditulis dengan bahasa lucu dan mencarut yang keterlaluan.

Malah, Fadzil dalam kenyataannya semalam menyifatkan novel Shanon itu sebagai satu sumbangan besar kepada rakyat kerana memberi gambaran perkembangan politik negara yang didakwanya sangat buruk dan memerlukan perubahan segera.

Sasterawan Negara, Datuk Abdullah Hussain, ketika dihubungi hari ini mempertikai dan mempersoalkan kenyataan Fadzil yang mendakwa novel itu adalah sumbangan besar kepada rakyat.

"Sumbangan dari sudut apa? Adakah ia sumbangan untuk menghancurkan moral golongan muda atau rakyat. Kalau sumbangan daripada sudut sastera...apa dia?," katanya.

Beliau yang tidak mahu membaca novel itu berkata, Fadzil terpaksa membela Shanon kerana penulis adalah ahli Pas.

Mengenai dakwaan Fadzil kononnya Shanon adalah penulis berani kerana mendedahkan kepincangan dalam sistem politik negara, Abdullah berkata: "Shanon mengharamkan karya sendiri, tidak mengakui karya sendiri. Kalau dia penulis yang berani, dia tidak akan haramkan karya sendiri," katanya.

Shanon yang dipilih sebagai Tokoh Maal Hijrah Universiti Sains Malaysia 1999 dan pernah menyertai al-Arqam, baru-baru ini mengisytiharkan dirinya ahli seumur hidup Pas ketika berceramah di rumah Datuk Seri Anwar Ibrahim di Cheroke To' Kun, Pulau Pinang.

Sementara itu, ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Mustapa Mohamed, kesal dengan tindakan Presiden Pas yang sanggup menyokong tindakan ahlinya, sekalipun ia menulis satu karya yang lucu.

Beliau menganggap parti pembangkang ketika ini sudah hilang pertimbangan dan sanggup berbuat apa saja untuk memenangi hati rakyat.

Menurutnya, sokongan terhadap karya lucu menunjukkan tindakan parti itu yang membelakangkan tatasusila agama dan bangsa Melayu. Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar, pula menyifatkan sokongan Pas terhadap novel itu membuktikan parti berkenaan sanggup berpihak kepada sebarang bentuk penulisan asalkan ia menentang kerajaan.

"Parti pembangkang akan menyokong apa juga tulisan dan rencana yang menentang kerajaan," katanya yang dukacita dengan penulis bertaraf Sasterawan Negara, menghasilkan karya seperti itu. Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Tan Sri Isa Samad, berkata sokongan Pas itu jelas menunjukkan kaitan novel berkenaan dengan matlamat perjuangan mereka.

"Asalkan ada perkataan bertujuan mengata kerajaan dan kepemimpinan kita tidak baik, walaupun menggunakan perkataan lucu, tidak bermoral atau rendah akhlaknya, Pas akan menghalalkannya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Umno Bahagian Ipoh Barat, hari ini.

Di JOHOR BAHRU, bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam menyifatkan novel itu sebagai menimbulkan kekeliruan dan pertanyaan mengenai apa yang cuba diperkatakannya.

Sambil mengakui belum lagi membaca novel berkenaan, beliau berkata sebagai orang yang disanjung tinggi oleh kerajaan dan masyarakat hingga

dianugerahkan Sasterawan Negara, beliau tidak tahu apa motif novel itu ditulis.

Menurutnya, jika benar Shahnnon menjadi ahli Pas dan bergiat aktif, karya terbarunya itu mungkin mempunyai tujuan politik.

"Kalau dipandang dari segi itu, tidak hairanlah perkara sebegini terjadi disebabkan kecewa dan perasaan marah. Kalau tidak, saya tidak tahu apa yang hendak dikatakan.

"Tentu sesuatu karya yang ditulis oleh seseorang sasterawan itu mempunyai tujuan, sebab dan rasionalnya. Mungkin dia (Shahnnon) mahu karyanya diperbahaskan dari segi intelektual.

"Tapi satu yang saya pastikan ialah bahawa kalaulah Shahnnon seorang ahli politik, dia sudah mencapai objektifnya iaitu menarik perhatian orang ramai (melalui publisiti yang diberikan)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Karnival dan Larian Keluarga Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Pelangi, hari ini.

Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishamuddin Hussein, berkata sikap Pas menyokong novel yang tidak bertanggungjawab dan terkeluar dari landasan nilai-nilai Islam jelas menunjukkan parti pembangkang itu tidak mempunyai kewarasan untuk mentadbir negara.

"Rakyat seharusnya dapat menilai keikhlasan dan keupayaan Pas untuk mentadbir negara. Mereka sanggup menggunakan apa saja peluang untuk kepentingan politik mereka walaupun peluang itu membelakangkan nilai Islam.

"Oleh itu, tidak mustahil mereka juga akan sanggup membelakangkan kepentingan rakyat untuk kepentingan mereka," katanya ketika dihubungi, di sini hari ini.

Ahli Dewan Negara, Senator Zainuddin Maidin, berkata kerajaan tidak perlu mengharamkan novel SHIT dan anugerah Sasterawan Negara daripada Shahnnon kerana SHIT adalah `shit`.

Bagaimanapun, katanya, terserah kepada Shahnnon untuk jujur kepada diri sendiri untuk mengembalikan anugerah itu kepada negara dan kerajaan, yang digambarkan sebagai tidak baik dalam karyanya itu.

"Umno atau kerajaan BN bukan saja memberi anugerah kepada yang layak, malah kepada yang tidak layak seperti penentang kerajaan, termasuk sasterawan dan penulis.

"Ini berbeza dengan negara lain yang menghukum mati atau menyumbatkan golongan ini dalam penjara hingga ke akhir hayat mereka," katanya.

Zainuddin berkata, sebagai seorang rakan rapat Shahnnon sejak zaman remaja, beliau cukup memahami kekacauan emosi yang dihadapi Shahnnon dalam mencapai kedudukan akademik di Universiti Sains Malaysia (USM).

Bagaimanapun, katanya, beliau hairan mengapa kekecewaan itu perlu dilemparkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Mungkin orang lain memberitahunya bahawa Dr Mahathirlah yang membuat segala keputusan," katanya.

Di KOTA BHARU, Ahli Parlimen Machang, Datuk Shukri Mohamad, berkata pendirian Pas yang menyokong tulisan Shahnnon mencerminkan kegagalan parti itu dalam melahirkan pemimpin yang bermaruah tinggi.

"Pendirian mereka jelas bertentangan dengan dasar perjuangan parti itu yang kononnya memperjuangkan Islam," katanya.

Di MUAR, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Melaka, Datuk Seri Abu Zahar Ithnin, berkata sokongan Pas itu membuktikan pertimbangan mereka kini berasaskan pemikiran yang kacau.

Menurutnya, Pas dan parti pembangkang lain tidak boleh menafikan kebaikan dan kemajuan yang dibawa Umno dan Barisan Nasional (BN) selama ini kerana mereka juga menerima manfaat berkenaan.

Di KUALA TERENGGANU, Pengerusi Majlis Kebudayaan, Kesenian dan Sukan Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Wan Ahmad Farid Wan Salleh, berkata

pendirian Pas menyokong novel berkenaan ternyata sangat berbeza dengan pendirian Umno.

Menurutnya, walaupun Pemuda Umno bersikap liberal terhadap hasil dan nilai seni yang mempunyai ciri kesusasteraan, ia tidak pernah mempertahankan mana-mana pengarang atau novelis yang membelakangkan nilai kesucian dan kemurnian Islam.

(END)